

## PEMERKASAAN DIRI MELALUI KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN IBU TUNGGAL

Farah Adibah Ibrahim<sup>\*a</sup>, Mohd Sharial Bungsu<sup>a</sup>, Junaidah Yusof<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: [farahadibah.i@utm.my](mailto:farahadibah.i@utm.my)

Received: 1<sup>st</sup> February 2022

Received in revised form: 15<sup>th</sup> May 2022

Accepted: 15<sup>th</sup> June 2022

Published: 28<sup>th</sup> June 2022

### Abstrak

Sebahagian besar ibu tunggal di Malaysia tidak mempunyai pekerjaan yang stabil. Kemahiran keusahawanan ibu tunggal di Malaysia didominasi oleh mereka yang bekerja dari rumah sama ada secara kecil-kecilan atau sepenuh masa. Maka kajian ini meneroka faktor kemahiran keusahawanan ibu tunggal yang bekerja dari rumah serta impaknya dalam meningkatkan pemeriksaan diri mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus kepada kajian kes. Seramai 6 responden ibu tunggal yang terlibat dalam kajian ini yang berdaftar di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT). Proses pengumpulan data diperolehi melalui temubual indepth, pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis kajian ini juga menggunakan perisian Nvivo 12 dan dilaksanakan menggunakan analisis tematik. Dapatkan kajian mendapati, kemahiran keusahawanan seperti bermiaga dan memasak merupakan kemahiran dominan yang diaplikasikan oleh ibu tunggal yang bekerja di rumah. Pemeriksaan diri ibu tunggal dapat dijana dengan melihat sejauhmana kemahiran keusahawanan ini mampu menjana pendapatan yang stabil bagi keluarga mereka. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemahiran bermiaga dan memasak ini adalah antara kemahiran yang mudah diakses dan dicapai oleh responden kajian. Secara kesimpulannya, kemahiran bekerja dalam kalangan ibu tunggal dapat dilihat sebagai salah satu bentuk adaptasi diri terhadap situasi dan sikap yang tidak berputus asa walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran sebagai ibu tunggal. Implikasi kajian ini dapat dilihat dari aspek perlaksanaan program-program latihan dan bantuan dari agensi-agensi terlibat yang menjurus kepada minat dan peluang untuk menjana pendapatan dalam kalangan ibu tunggal.

Keywords: Pemeriksaan diri, ibu tunggal, kemahiran keusahawanan.

© 2022 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### ■ 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Persepsi masyarakat terhadap keluarga yang sempurna ialah keluarga yang terdiri daripada pasangan suami dan isteri yang berperanan sebagai ibu dan bapa, serta anak-anak sebagai ahli dalam keluarga (Malinen, Kinnunen, Tolvanen, RönkÄ dan Wierda-Boer, 2010). Namun begitu, tidak semua keluarga mempunyai struktur keluarga yang lengkap dengan ibu, ayah dan anak-anak. Peristiwa perceraian, kematian suami, berpisah dan sebagainya telah mengubah struktur dan kefungsian keluarga itu sendiri (Azizi, Halimah, Syahrin, Yusof, & Ramli, 2009) sehingga membentuk pelbagai struktur keluarga yang alternatif antaranya ialah kemunculan keluarga ibu tunggal. Keluarga ibu tunggal atau dikenali juga dengan keluarga *single parent* ialah keluarga yang diketuai oleh seorang wanita yang menjadi pencari nafkah dan penjaga utama dalam sesebuah keluarga.

Pendefinisian ibu tunggal khususnya di Malaysia dijana melalui Pelan Tindakan Kebangsaan Memperkasa Ibu Tunggal (2015-2020) yang telah mengkategorikan ibu tunggal sebagai; (i) perempuan yang berkahwin dan menjadi balu atau bercerai/berpisah secara tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin, serta menjadi ketua keluarga; (ii) perempuan yang mempunyai suami (suami tidak sihat dan tidak mampu untuk bekerja) dan anak yang berlum berkahwin, serta menjadi ketua keluarga; (iii) perempuan yang tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf) dan menjadi ketua keluarga. Definisi ini merupakan panduan dan rujukan pelbagai agensi kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi, dan orang awam dalam berurusan dengan hal ehwal ibu tunggal di Malaysia.

Cabarani ibu tunggal sebagai ketua keluarga dan sebagai pencari nafkah utama memberikan tekanan yang kuat terhadap keupayaan diri menerima dan beradaptasi dengan keadaan semasa (Faizah, Farah, Azian, 2015; Nurul, Noremy, Suzana, Jamiah dan Siti Marziah, 2019). Hal ini disebabkan oleh ekspektasi atau jangkaan masyarakat serta pesaingan dalam kehidupan terutamanya dari segi ekonomi (Diyana, Doris & Aini, 2009). Perkara ini memberi implikasi kepada aspek kewangan terutamanya terhadap ibu tunggal yang tidak bekerja, atau sukar mendapatkan pekerjaan dengan latar belakang pendidikan yang rendah ditambah lagi dengan jumlah perkerjaan yang terhad (Faizah dan Hazirah, 2013). Tambahan pula dengan stigma negatif masyarakat (Nurul et al., 2019; Winda Aprilia, 2013), dan isu penjagaan anak-anak juga mendatangkan tekanan yang besar terhadap ibu-ibu tunggal ini (Siti Rafiah dan Sakinah, 2013).

Kemahiran dalam pekerjaan juga antara permasalahan yang dihadapi kerana ianya sangat berkait rapat dengan masalah ibu tunggal dalam mencari pekerjaan di Malaysia (Roddin et al., 2011). Walaupun perkara ini menjadi fokus oleh kerajaan dalam mewujudkan program sasaran, namun impak program ini tidak dapat dilihat secara menyeluruh. Kaji selidik yang dijalankan pada 2009 terhadap keberkesanannya impak program kemahiran kepada ibu tunggal di Malaysia menunjukkan, antara faktor utama program tidak berjaya disalurkan adalah disebabkan jarak program dengan tempat kediaman, kesesuaian program, pengurusan keluarga, pengendalian program dan akhir sekali

maklumat program (Nor Aini dan Doris, 2012). Masalah-masalah yang wujud ini menyebabkan ibu-ibu tunggal tidak mendapat kemahiran yang diperlukan selari dengan minat dan keinginan mereka.

Hasil kajian permasalahan ibu tunggal ini jelas menunjukkan betapa ibu tunggal berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran dalam meneruskan kelangsungan hidup. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penjanaan pendapatan yang rendah dan tidak menentu. Namun begitu, terdapat beberapa dapatan kajian yang menunjukkan ibu tunggal berjaya memperkasakan dengan setelah melalui fasa tekanan kesan masalah yang dihadapi. Ibu tunggal yang mempunyai pelbagai masalah dan tertekan tetapi dalam masa yang sama mampu bersikap menerima, redha, bersangka baik, dan mempunyai harapan serta cita-cita untuk masa depan (Nor Ba'yah dan Kamsiah, 2012).

Maka ibu tunggal memperkasakan dirinya melalui jangkaan atau harapan positif terhadap dirinya sendiri. Hal ini kerana jangkaan positif ini merupakan asas kepada aspek motivasi-kognitif individu yang membantu individu memperkasakan diri. Pemerksaan termasuklah memperolehi pengetahuan, kemahiran, dan kepercayaan yang membenarkan individu melaksanakan kawalan terhadap kehidupan mereka. Antara contoh pemerksaan ialah apabila individu mempelajari cara mempertahankan diri daripada ancaman dan bahaya (Ozer dan Bandura, 1990). Apabila individu terancam, mereka cenderung untuk berasa risau, tertekan, lemah dan berisiko. Oleh itu untuk memperkasakan diri, individu memerlukan kepercayaan diri supaya mereka mampu mengawal pemikiran negatif, mempraktikan ilmu dan kemahiran ke arah tindakan yang berkesan apabila berhadapan dengan masalah.

## **■ 2.0 KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN**

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor keusahawanan memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasa ibu tunggal melalui penjanaan pendapatan yang stabil (Ismail, I., Husin, N., Rahim, N. A., Kamal, M. H. M., & Mat, R. C., 2016.). Ianya merupakan kunci utama dalam meningkatkan tahap ekonomi keluarga disamping dapat menyerlahkan bakat dan kebolehan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Hal ini menunjukkan bahawa ibu tunggal terutamanya di kawasan luar bandar mempunyai kebolehan untuk menyedari dan membina kemahiran dalam bidang keusahawanan (Senapati, A. K., & Ojha, K., 2019).

Peranan ibu tunggal yang pelbagai dan kebolehan mereka untuk mengambil pelbagai tanggungjawab merupakan suatu fakta yang tidak boleh disangkal. Wanita secara umumnya mempunyai kebolehan semulajadi dalam bidang pengurusan dan mempunyai kreativiti yang digunakan untuk penjanaan pendapatan (Senapati, A. K., & Ojha, K., 2019) sama ada melalui perolehan pekerjaan atau melalui keusahawanan. Namun kini trend bekerja disamping bermula kecil-kecilan mula mendapat sambutan dan menjadi antara salah satu medium utama penjanaan pendapatan keluarga (Mat, S. H. C., Mukaramah-Harun, Z. Z., & Jamaluddin, Z. (2017)). Hasrat ini semakin bercambah dengan sokongan kerajaan terhadap ibu tunggal dengan menyediakan kemudahan bantuan pinjaman kewangan melalui Yayasan Tekun Nasional (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), bantuan zakat dan juga bantuan geran pelancaran dari Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) yang diberikan kepada kumpulan sasar berkeperluan.

Walaubagaimanapun kajian lepas menunjukkan bahawa peningkatan kegagalan perniagaan dalam kalangan ibu tunggal semakin meningkat (Topimin, S., Fabeil, N. F., & Abdullah, A. S. (2019)). Hal ini disebabkan kebanyakannya mereka mempunyai kemahiran kesushawanan yang rendah walaupun disokong oleh pelbagai bantuan dari kerajaan. Antara kekangan yang wujud ialah kekurangan ilmu, kurang sokongan institusi serta kurang kompetensi dalam menjalankan perniagaan (Ali,Som,Bujang&AbuBakar, 2004).

Maka antara kemahiran keusahawanan yang penting perlu melibatkan kemahiran teknologi maklumat, Hal ini kerana melalui teknologi maklumat, pemasaran produk dan kemahiran menjadi semakin mudah dan dapat mencapai kumpulan sasaran (Yong, K., & Zainal, N. T. A. 2020). Selain itu, ibu tunggal juga harus mempunyai persiapan yang menyeluruh sebelum memulakan aktiviti keusahawanan, Hal ini kerana sebahagian besar golongan ibu tunggal tidak mendapatkan nasihat atau panduan dari pihak yang bertanggungjawab untuk membina perniagaan (xxxx). Keperluan kepada bimbingan berterusan dalam aspek pengurusan, kewangan, pemasaran serta aplikasi teknologi adalah sangat penting baru memastikan kesinambungan dan survival perniagaan yang diceburi. (Ismail, I. et al., 2019).

## **■ 3.0 TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka faktor kemahiran kesushawanan dalam kalangan ibu tunggal yang berdaftar dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT). Faktor kemahiran keusahawanan ini merupakan asas dalam penjanaan pendapatan dalam keluarga ibu tunggal. Melalui kemahiran yang tepat, proses penjanaan pendapatan akan meningkat yang sekaligus membantu ibu tunggal keluar dari kepompong kemiskinan dan kebergantungan kepada bantuan kerajaan. Maka faktor kemahiran adalah asas kepada pembinaan pemerksaan diri yang membolehkan ibu tunggal mengawal kehidupan, membantu membuat keputusan, dan lebih berkeyakinan untuk mengembangkan potensi diri selepas menghadapi trauma kesan dari perceraian atau kematian suami. Kajian ini memberikan gambaran sejahmana faktor kemahiran keusahawanan ini merupakan sumber kekuatan bagi ibu tunggal terutamanya mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai untuk membina semula kehidupan keluarga mereka.

## **■ 4.0 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Zarina, Intan, Bahiyah, Suresh dan Azizah (2018) telah mengkaji aspek kesejahteraan kewangan ibu tunggal di Pulau Pinang, Malaysia. Kajian yang berbentuk yang kualitatif ini meneroka aspek kewangan lima belas ibu tunggal dengan lebih mendalam. Dapatan kajian

mendapati, majoriti ibu tunggal berdepan dengan bebanan kewangan yang disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah, kurang mendapat nafkah dari bekas suami, dan tekanan psikologikal kesan dari rasa ragu-ragu ibu tunggal terhadap kemampuan dan keupayaan diri menyara keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini menjurus kepada tekanan kewangan dan kesannya secara objektif dan subjektif (Porter dan Garmen, 1990) terhadap ibu tunggal.

Kajian oleh Damaske, Bratter dan Frech (2017) yang melibatkan 318,860 keluarga ibu tunggal di Amerika Syarikat mendapati, jumlah kemiskinan adalah lebih tinggi dalam kalangan keluarga ibu tunggal bangsa kulit hitam berbanding keluarga kulit putih. Selain itu, dapatkan kajian juga menunjukkan ibu tunggal yang mendapat pekerjaan sepenuh masa tidak mengalami masalah kemiskinan, namun pekerjaan sepenuh masa ini banyak didominasi oleh keluarga ibu tunggal berkulit putih.

Kajian oleh Mohd Ramlan dan rakan-rakan (2018) terhadap 200 ibu tunggal di Selangor mendapati faktor bebanan kewangan merupakan faktor utama yang menggugat kelangsungan hidup ibu tunggal. Hal ini kerana majoriti ibu tunggal mempunyai jumlah pendapatan di bawah RM1000 dan mempunyai satu hingga lima tanggungan dalam sesebuah keluarga. Selain faktor kewangan, ibu tunggal juga mengalami cabaran dari aspek pekerjaan iaitu ibu tunggal tidak dapat mencari pekerjaan yang fleksible untuk membolehkan mereka menjaga anak-anak. Kesannya terdapat ibu tunggal terpaksa bekerja dan meninggalkan anak-anak, dan terdapat juga ibu tunggal yang tidak bekerja sepenuh masa untuk menjaga anak-anak (Zarina dan Anton, 2012).

Maka kajian terhadap motivasi dan semangat ibu tunggal di Malaysia khususnya adalah sangat penting dalam memacu pemerkasaan diri ibu tunggal. Hal ini boleh dilihat melalui kajian oleh Irwan, Norhusniyyati, Najihah, Malina Hanum dan Rosfatiyah (2016) yang berfokus mengkaji faktor ibu tunggal untuk berjaya dalam perniagaan. Seramai 246 ibu tunggal di enam buah negeri terlibat dan mewakili bahagian utara, selatan, timur, barat, Sabah dan Sarawak di Malaysia. Hasil dapatkan kajian ini mendapati faktor motivasi dan semangat adalah faktor utama yang membantu ibu tunggal beradaptasi dengan kemiskinan dan berjaya dalam bidang perniagaan. Hal ini disebabkan ibu tunggal yang berjaya menggunakan segala sumber/kemudahan/manfaat dan mempunyai kepercayaan diri yang kukuh akan menghasilkan emosi yang positif dan seterusnya meningkatkan semangat dan motivasi diri untuk berjaya (Irwan et al., 2016; Irwan et al., 2015).

Kajian oleh Dayang (2017) pula mengetengahkan strategi kelangsungan hidup yang digunakan oleh ibu-ibu tunggal di kawasan luar bandar. Hasil kajian ini mendapati usaha ibu tunggal untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran relevan adalah salah satu strategi dalam meneruskan kelangsungan hidup. Kemahiran yang sering diikuti oleh responden cenderung ke arah perniagaan kecil-kecil, selain dari penglibatan dengan bidang jahitan, kecantikan, gubahan bunga, kristal dan manik telah membantu ibu tunggal membuka perniagaan mereka sendiri dan berpotensi untuk berdikari.

Maka, rangkuman keperluan kemahiran bekerja melalui aktiviti keusahawanan adalah sangat penting dalam membantu golongan ibu tunggal terutamanya di Kawasan luar bandar untuk membina jaringan keselamatan keluarga melalui aktiviti keusahawanan yang dilakukan. Namun begitu, kebanyakkan ibu tunggal masih menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan tidak menggunakan sepenuh kemudahan yang ditawarkan kepada mereka seperti panduan pengurusan kewangan, kualiti produk, pemasaran dan kemudahan teknologi maklumat (Yong, K., & Zainal, N. T. A., 2020).

## **■ 5.0 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian kes tunggal telah dipilih oleh pengkaji sebagai kaedah yang paling sesuai dan memenuhi objektif kajian. Penentuan reka bentuk kajian kes tunggal ini adalah bersandarkan keunikan kes-kes dalam mengkaji suatu fenomena (Yin, 1994). Seramai enam orang peserta telah dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan di negeri Johor. Enam orang peserta ini dipilih kerana mereka mempunyai tahap ketahanan diri yang tinggi dan memenuhi kriteria-kriteria tertentu yang ditetapkan oleh pengkaji seperti yang berikut:

1. Ibu tunggal yang beragama Islam.
2. Tinggal di kawasan luar bandar
3. Berumur antara 30- 46 tahun.
4. Bercerai atau kematian suami.
5. Mempunyai tanggungan anak lebih dari seorang.
6. Merupakan satu-satunya pencari nafkah dalam keluarga.

Seain itu, kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah temubual yang dipilih adalah berbentuk separa berstruktur. Manakala pemerhatian dijalankan sepanjang kajian dijalankan dan data dicatat melalui buku nota lapangan. Analisis dokumen pula melibatkan dokumen seperti bukti penglibatan dan pencapaian seperti sijil, keratan akhbar dan lain-lain. Pengkaji juga bertindak menjadi instrumen utama dalam kajian ini dan menggunakan protocol temubual kajian yang telah disahkan oleh pakar.

## ■ 6.0 DAPATAN KAJIAN

**Jadual 5.1 : Profil Demografi Ibu Tunggal**

Responden	RK1	RK2	RK3	RK4	RK5	RK6
<b>Umur (tahun)</b>	35	34	33	40	42	33
<b>Pendapatan</b>	RM1500	RM1000	RM1500	RM2000	RM1000	RM1500
<b>Bilangan (anak)</b>	2	3	3	2	8	3
<b>Pencari nafkah tunggal?</b>	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
<b>Pekerjaan</b>	Penjual Insurans	Peniaga Warung Kecil	Tukang Urut	Kerani	Tukang Urut	Menjual Kuih
<b>Faktor menjadi ibu tunggal</b>	Bercerai	Bercerai	Bercerai	Bercerai	Bercerai	Kematian Suami
<b>Tempoh menjadi ibu tunggal (tahun)</b>	7	4	8	13	6	5
<b>Tahap Pendidikan</b>	Diploma	UPSR	SPM	SPM	PMR	SPM

Berdasarkan Jadual 5.1 berikut, profil demografi ibu tunggal sebahagian besarnya terdiri dari wanita yang bekerja dari rumah dan mempunyai waktu bekerja yang fleksibel. Kebanyakkannya mereka juga berumur dalam lingkungan umur yang produktif (33-42 tahun). Mereka juga mempunyai tanggungan anak di antara 2-3 orang dan hanya seorang responden sahaja yang mempunyai 8 orang anak hasil dari 3 perkahwinan yang lepas. Tempoh menjadi ibu tunggal juga dalam lingkungan 5 hingga 13 tahun yang menunjukkan bahawa mereka sudahpun mempunyai rutin harian dan telah beradaptasi dalam memegang tanggungjawab sebagai seorang ibu tunggal. Tahap pendidikan sebahagian besarnya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan hanya seorang yang mempunyai Diploma dan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah.

Seterusnya dapatan kajian ini juga menunjukkan aspek kemahiran bekerja yang meningkatkan pendapatan responden yang seterusnya membantu memperkasakan diri. Kemahiran bekerja responden ditunjukkan melalui kemahiran pejabat, bertani, andaman dan gubahan, berniaga, memasak dan membuat kuih, mengurut, menjahit dan kemahiran pengurusan masa (Jadual 5.2). Kesemua aspek kemahiran bekerja ini digunakan oleh responden untuk beradaptasi secara positif dan mempunyai pemerkasaan diri yang tinggi.

**Jadual 5.2: Faktor Kemahiran Bekerja**

Bil	Tema dan sub tema	RK1	RK2	RK3	RK4	RK5	RK6
<b>Kemahiran Bekerja</b>							
1.	Kemahiran berniaga	/	/	/	/	/	
2.	Kemahiran memasak	/	/	/	/	/	
3.	Kemahiran membuat kuih					/	
4.	Kemahiran bertani		/				
5.	Kemahiran mengurut			/		/	
6.	Kemahiran menjahit	/	/				
7.	Kemahiran pengurusan masa			/	/		
8.	Kemahiran pejabat	/			/		
9.	Kemahiran merancang kewangan	/					
10.	Kemahiran Konsultasi	/					
11.	Kemahiran andaman & gubahan		/		/		
12.	Kemahiran mengasuh			/		/	

Pemerkasaan diri dapat dijana melalui peningkatan produktiviti. Oleh itu Responden 1 (R1) telah menggunakan ilmu dan kemahiran dalam bidang penanaman cendawan tiram sebagai salah satu cara untuk mendapatkan pendapatan sampingan di rumah. Ilmu dan kemahiran ini diperolehi melalui penglibatannya ke dalam kursus dan latihan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Usahanya membuat hasil dan berjaya memberi pulangan yang memberansangkan untuk beliau dan menjadikannya lebih berdaya saing.

*“Ya, even though akak sedang buat dua kerja, akak sedang membuat lagi satu, akak punya ni untuk jana pendapatan jugak la kan. Yang baru akak buat tanaman cendawan tiram. Buat masa ni masih kecik-kecik tepi rumah je, tapi masih trial la. Hopefully by hujung tahun ni dah kata orang tu dah good in marketing dengan selling la, dah stable la.”*

(RK1/2016:479)

Kemahiran bekerja bagi Responden 2 (R2) berfokus kepada aspek yang berbeza. R2 sudah mempunyai pengalaman bertahun-tahun dalam perniagaan kecil-kecilan di rumah dengan menjual burger. Dalam hal ini, R2 lebih menekankan kepada keunikan dan kreativiti dalam burger dengan menggunakan resepi sos yang tersendiri. Usaha ini tidak sia-sia kerana R2 berjaya menjual burger dengan laris walaupun terdapat persaingan dari gerai yang lain dari segi produk yang sama dan harga yang lebih murah.

*“Tapi akak untung..burger akak akak ada resepi sendiri la yang diorang tu bezakan itu je..customer tetap memang ada la..”*

(RK2/2016:202)

Pemerkasaan diri R2 dikukuhkan lagi apabila beliau berjaya mengembangkan perniagaan kecilnya kepada warung dengan menjual pelbagai jenis pilihan masakan seperti masakan pizza, pisang goreng, aiskrim, dan makanan-makanan ringan. Kesan dari peningkatan diri ini, R2 yang sebelum ini menjadi mangsa dera dari suami mampu bangkit dan berdikari dalam membesar anak-anak.

Seterusnya bagi Responden 3 (R3) membuktikan bahawa kemahiran dalam bakeri dapat menjana pendapatan dengan menerima tempahan katering untuk hasil bakerinya

*“Lagi satu suka kalau kita pergi kursus...lagi susah lagi suka...panggil...akak punya sijil banyak semua ada....yang menjahit yang kek cupcake yang mee kuning mee rebus semua kuih dalam...”*

(RK3:823)

Menurut R3 lagi, tempahan bakerinya ini hasil dari usahanya mendapatkan ilmu dan kemahiran yang ditawarkan oleh pelbagai agensi yang membantu ibu tunggal untuk membina pendapatan untuk menyara keluarga. Tambahan lagi dengan penawaran peralatan memasak dan pemasaran yang diberikan membuatkan R3 lebih bersemangat untuk mengembangkan potensi bidang masakan dan membuat kuih.

Hal ini agak berbeza bagi Responden 4 (R4). Hal ini kerana R4 bekerja di pejabat dan menjadikannya situasinya agak berlainan dengan responden yang lain. R4 mempunyai pendapatan yang stabil namun masih belum cukup untuk menampung kehidupan keluarganya dengan baik. Tambahan pula dengan situasi anak-anak yang bersekolah, memerlukan R4 lebih kreatif dalam pembahagian pendapatan seharian. Namun begitu, R4 mempunyai kemahiran bekerja dari segi pengurusan masa yang cekap. Hal ini diakui oleh R4 sangat memberikan manfaat terhadap perkerjaannya kini.

*“...kemahiran akak, akak pandai minitkan atau mengurus masa untuk sesuatu planning kita kan pengurusan masa kita..”*

(RK4:612)

Melalui kemahiran ini, R4 dapat merangka pelan pekerjaannya dengan lebih efisyen, berkesan disamping membolehkannya lebih masa untuk melakukan perkerjaan sampingan seperti membuat gubahan bunga dan membuat kek tempahan secara kecil-kecilan. Hal ini ternyata menjadikan R4 lebih berkeyakinan dan sekaligus meningkatkan pemerkasaan diri

Bakat Responden 5 (R5) pula menjurus kepada kemahiran mengurut. Kemahiran mengurut telah banyak membantu R5 mendapatkan sumber kewangan bagi menyara anak-anaknya yang masih kecil. Beliau juga bercita-cita untuk menjual goreng pisang sebagai salah satu alternatif untuk meningkatkan ekonomi keluarga disamping dapat menjaga anak-anak yang masih kecil.

*“Akak belajar menjadi pengurut tak ada cikgu cuma dengan izin Allah akak ada bakat untuk mengurut. Tapi kalau ada kursus kursus bengkel mengurut akak nak sebab akak tahu cara-cara dia yang betul apa semua kan. Daripada situ pun kata orang tu, boleh mendatangkan sumber pendapatan akak...”*

(RK5/2016:351)

Menurut R5 lagi, beliau tidak segan silu ingin mempelajari ilmu baru terutamanya dalam bidang masakan yang boleh menjana pendapatan yang agak lumayan disamping membolehkannya berada bersama anak-anak di rumah.

Bagi Responden 6 (R6) pula, kemahiran dalam membuat kuih selama bertahun-tahun membolehkan beliau membuka cabang perniagaan baru iaitu pembuatan kuih secara sejuk beku selain membuat perniagaan sampingan yang lain. Tindakannya ini merupakan satu cara untuk meningkatkan pendapatan keluarga sekaligus memperkasakan diri dalam jangka masa yang panjang.

*“...akak buat frozen... akak ingat nak beli mesin, akak belajar buat frozen, akak first time buat frozen karipap dulu...test karipap pusar akak tu kan, akak hantar kedai..tengok. Alhamdulillah...okey dah dapat modal sikit sikit..”*

(RK6/2016:174)

R6 juga gemar melakukan kerja-kerja sambilan seperti menjadi agen menjual produk-produk kecantikan, dan seringkali mengambil peluang waktu lapang untuk mempromosikan jualan nya. Harapan dan cita-citanya suatu masa nanti ialah mempunyai perniagaan yang stabil dan menjadi inspirasi bagi ibu tunggal yang lain untuk terus memperkasakan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran jangka Panjang.

## ■ 7.0 PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini berfokus kepada faktor pemerkasaan diri ibu tunggal dari aspek pengetahuan kemahiran bekerja dan keusahawanan ibu tunggal. Menurut Ozer dan Bandura (1990), pemerkasaan berlaku apabila individu berhadapan dengan ancaman dan intimidasi dari situasi luar. Kesannya individu akan cuba memperkasakan diri dengan kemahiran tertentu. Efikasi kendiri di sini memainkan peranan penting dalam proses pemerkasaan, iaitu dengan memastikan diri mempunyai kepercayaan yang kukuh dalam membuat keputusan dan tindakan yang tepat. Keputusan dan tindakan yang tepat mengambil kira aspek pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki kesan dari ancaman luar yang dihadapi (Ozer dan Bandura, 1990).

Dalam konteks kajian ini, pemerkasaan berjaya dibina melalui kemahiran yang boleh menjana pendapatan. Bagi aspek ini, pengetahuan terhadap kemahiran untuk meningkatkan produktiviti ialah manifestasi dari ancaman kemiskinan dan kelangsungan hidup keluarga. Maka individu akan memperkasakan diri dengan kemahiran (Ozer dan Bandura, 1990) untuk menjana pendapatan yang setimpal. Maka berdasarkan dapatan kajian ini, antara kemahiran tersebut ialah kemahiran andaman dan gubahan, bekerja pejabat, bermiaga, bertani, memasak dan membuat kuih, mengurut, memasak dan membuat pengurusan masa yang betul. Namun begitu, kemahiran-kemahiran ini juga harus diseimbangkan dengan kemahiran interpersonal. Hal ini kerana kemahiran interpersonal merupakan salah satu sifat diri yang berfungsi untuk menggalakkan kemahiran peribadi, mengukuhkan hubungan dengan masyarakat yang membantu apabila berhadapan dengan masalah (Skodol, 2010).

Dalam dapatan kajian ini, kemahiran keusahawanan yang paling dominan ialah bermiaga dan memasak. Hal ini disebabkan kemahiran yang diperlukan adalah rendah dan paling mudah dicapai oleh ibu tunggal. Hal ini dibuktikan oleh peserta yang pernah melakukan tiga jenis pekerjaan dalam satu masa iaitu mengurut, menjaga anak orang dan membuat kuih. Kemahiran yang diperlukan untuk aktiviti pekerjaan ini ialah rendah namun menepati keperluan masyarakat. Begitu juga yang dihadapi oleh responden yang sekian lama menjual kuih secara kecil-kecilan. Pengetahuan dari aktiviti menjual kuih setiap hari dan bantuan program latihan digunakan untuk membuat makanan sejuk beku untuk dipasarkan secara lebih meluas.

Situasi ini juga turut dijelaskan oleh Bonanno (2004) yang menyatakan bahawa individu yang terus berusaha walaupun berdepan kesukaran ialah individu yang beradaptasi tinggi yang mampu membentuk pemerkasaan diri. Tambahan lagi menurut prinsip persepektif *strength based*, individu akan sentiasa melakukan yang terbaik sedaya upaya mereka (Weick et al., 1997). Maka usaha peningkatan pengetahuan peserta ini seterusnya membawa kepada kepercayaan individu dalam membuat keputusan yang tepat dalam mengawal dan mengaruh kehidupannya (Paz, 1990). Oleh itu, pemerkasaan melalui kemahiran bekerja melalui keusahawanan dalam kalangan ibu tunggal menjadikan mereka mampu mengenalpasti peluang-peluang yang wujud untuk meningkatkan taraf kehidupan keluarga. Hasilnya mereka bukan sahaja mampu meneruskan kelangsungan kehidupan bahkan juga menyumbang kepada perkembangan ekonomi komuniti dan negara.

## ■ 8.0 IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian yang dijalankan ini ialah kepada keluarga ibu tunggal itu sendiri. Dapatan kajian ini dapat membantu mengenalpasti sumber-sumber pelindung yang wujud dalam diri dan persekitaran dan memberi kefahaman yang menyeluruh tentang proses pemerkasaan diri mereka. Oleh itu, ibu tunggal dapat terus memantapkan diri dengan melakukan tindakan dan pemikiran yang konsisten dengan perkembangan diri yang positif melalui tindakan dan pemikiran dengan rasional, effektif dan produktif.

Hasil dapatan kajian ini juga memberi implikasi yang bermakna kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Maklumat dari kajian ini boleh dijadikan bahan dan maklumat penting kepada KPWKM dalam merangka polisi dan dasar-dasar pemerkasaan wanita serta program-program pembangunan modal insan ibu tunggal pada masa akan datang. Selain itu, KPWKM juga boleh mengambil inisiatif dan tindakan perkhidmatan yang lebih berstruktur dan efisien dalam penyediaan prosedur bantuan kepada ibu tunggal seperti pengisian borang bantuan dan maklum balas yang cepat terutamanya di kawasan luar bandar, mempromosikan perkhidmatan kaunseling keluarga. Hasil dapatan kajian ini juga boleh digunakan oleh KPWKM untuk merangka modul dan intervensi yang bersesuaian untuk membina pemerkasaan diri ibu tunggal.

## ■ 9.0 KESIMPULAN

Pemerkasaan diri dan kemahiran bekerja kini berjalan seiringan terutamanya bagi dunia yang kini semakin mementingkan keperluan pengukuhan ekonomi bagi menjanjikan kehidupan yang stabil dan selamat. Maka golongan ibu tunggal yang mempunyai cabaran yang unik terutamanya dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan keluarga disamping pemerkasaan diri. Oleh itu, kemahiran bekerja dan keusahawanan dilihat sebagai faktor yang terpenting dalam proses pemerkasaan diri sehingga terbinanya kepercayaan diri. Oleh itu polisi kerajaan haruslah berfokus kepada merangka strategi dan memperbaharui kemahiran golongan ibu tunggal bagi membantu mereka keluar dari kitaran kemiskinan.

## Rujukan

- Azizi Y., Halimah, M., Shahrin, H., Yusof, B. dan Ramli, J. (2009). *Modal insan: membentuk keluarga berkesan*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Bonanno G. A. (2004). Loss, trauma, and human resilience: have we underestimated the human capacity to thrive after extremely aversive events?. *Am Psychol*, 59(1):20-28.
- Damaske, S., Bratter, J. L. dan Frech, A. (2017) ‘Single mother families and employment, race, and poverty in changing economic times’, Social science research, 62, 120-133.
- Dayang, S. M. (2017) ‘Survival Strategies Of Single Mothers Among Indigenous Ethnics In Rural Areas: Case Study In Kota Belud, Sabah’, *Jurnal Kinabalu*.
- Diyana, I., Doris, P. dan Nor Aini, I. (2009) Isu dan Cabaran Ibu Tunggal Dalam Menghadapi Perubahan Persekutuan Global. *Prosiding Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV), Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009*.
- Faizah, A. G. dan Hazirah, H. (2013). Challenges and locus control among single mothers in Muar, Johor’. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies*, 4(5), 760-765.
- Faizah, B. A. G. Farah, A. I. Azian, A. A. dan Mastura, M. (2015). Relationship between the belief system and emotional well-being of single mothers. *Asian Social Science*, 11(27), 28.
- Irwan I., Rahim, N. A., Kamal, M. H. M., Mat, R. C. dan Husin, N. (2015). Investigating the needs for achievement, risk taking and tolerance for ambiguity toward entrepreneurial passion among single mother entrepreneur in Malaysia. *Procedia Economics and Finance*, 31, 110-116.
- Ismail, I., Husin, N., Rahim, N. A., Kamal, M. H. M., & Mat, R. C. (2016). Entrepreneurial success among single mothers: The role of motivation and passion. *Procedia Economics and Finance*, 37, 121-128.
- Malinen, K., Kinnunen, U., Tolvanen, A., Rönkä, A., Wierda-Boer, H. dan Gerris, J. (2010) ‘Happy spouses, happy parents? Family relationships among Finnish and Dutch dual earners’, *Journal of Marriage and Family*, 72(2), 293-306.
- Mat, S. H. C., Mukaramah-Harun, Z. Z., & Jamaluddin, Z. (2017). Entrepreneurial Activity and the Time Exit Poverty among Single Mother in Malaysia. *International Journal of Applied Business and Economic Research*, 15(24), 319-330.
- Mohd Ramli, A., Alias, F. A. Z. dan Marhalim, A. A. (2018) ‘Survivability of Single Mother: A Study in Sepang, Selangor’, Academic Journal of Business and Social Sciences,
- Nor Aini I. dan Doris, P. S. (2012) ‘Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan dan Keberkesanan. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)’, Transformasi Ekonomi dan Sosial ke Arah Negara Maju, 248-259, 2012.
- Nor Ba’yah K. dan Kamsiah, Ali., (2012) ‘Women’s Voices in Relation to Fate, Cultural Practices and Life Satisfaction: A Case Study of Sarawakian Single Mothers in Samarahan, Sarawak’, e-Bangi, 9(1).
- Nurul, S., Noremy, M. A., Suzana, H., Jamiah, M. dan Siti Marziah. (2019) ‘Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi’ 69-84.
- Ozer, E. M. dan Bandura, A. (1990) ‘Mechanisms governing empowerment effects: A self-efficacy analysis’, *Journal of Personality and Social Psychology*, 58, 472-486.
- Paz, R. (1990) Paths to empowerment. The Hague: Bernard van Leer Foundation.
- Porter, N. M. dan Garman, E. T. (1992) ‘Money as part of a measure of financial well-being’, *American Behavioral Scientist*, 35(6), 820-826.
- Roddin, R., Sidi, N. S. S., Yusof, Y., Mohamed, M. dan Razzaq, A. R. A. (2011) ‘Poverty alleviation among single mother in Malaysia: Building entrepreneurship capacity’, *International Journal of Business and Social Science*, 2(17).
- Senapati, A. K., & Ojha, K. (2019). Socio-economic Empowerment of Women Through Micro-entrepreneurship: Evidence from Odisha, India. *International Journal of Rural Management*, 15(2), 159-184.
- Siti Rafiah A. H. dan Sakinah S. (2013) ‘Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies’, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 84, 1154 – 1159.
- Skodol A. E. (2010) The resilient personality, in J. W. Reich, A. J. Zautra, J. S. Hall Handbook of Adult Resilience. New York: Guilford, 112–25.
- Topimin, S., Fabeil, N. F., & Abdullah, A. S. (2019). Women’s business survival: challenges and strategies for single mother entrepreneurs. *Academic Journal of Business and Social Sciences*, 3(2), 1-10.
- Weick, A. dan Chamberlain, R. (1997) Putting Problems in Their Place: Further Exploration in the Strengths Perspective, in D. Saleebey (2nd ed), *The Strengths Perspective in Social Work Practice*. New York: Allyn and Bacon, 95-104.
- Winda Aprilia. (2013) ‘Resiliensi dan Dukungan Sosial pada Orang Tua Tunggal: Studi Kasus Pada Ibu Tunggal di Samarinda’, *eJournal Psikologi*, 1(3): 268-279.
- Zarina, M. N. dan Anton, A. A. (2012) ‘A Preliminary Study of Asset Accumulation among Single Mothers in Malaysia’, International Conference on Economics, Business, and Marketing Management IPEDR, 29, 186-191.
- Zarina., M. N. Hasan, I. S. A., Omar, B., Vellymalay, S. K. N. dan Omar, A. (2018) ‘Financial Wellbeing of Single Mothers in Penang: The Sole Breadwinner’, *Management and Accounting Review (MAR)*, 17(1), 47-62.